

**TERMA DAN SYARAT**  
**PUTRA ALUMNI VPRO CHALLENGE**

**1. MAKLUMAT PERTANDINGAN**

- i. Pertandingan ini dianjurkan oleh Pusat Perhubungan Alumni UPM dengan kerjasama Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat UPM bersempena Bulan Sinergi Putra UPM 2026, bertujuan untuk mengetengahkan kreativiti peserta dalam mempromosikan peranan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai peneraju dalam aspek keterjaminan makanan.
- ii. Tempoh pertandingan adalah dari **1 hingga 20 Jun 2026**. Borang penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada jam **5:00 petang 20 Jun 2026**
- iii. Video peserta akan dimuat naik di akaun Tiktok Rasmi Universiti Putra Malaysia (@uniputramalaysia) untuk tujuan penjurian bagi kategori pilihan penonton.
- iv. Pemenang akan diumumkan pada Majlis Penutup Bulan Sinergi Putra 2026.

**2. KELAYAKAN PENYERTAAN**

- i. Pertandingan ini terbahagi kepada dua (2) kategori:
  - i. Pelajar UPM
  - ii. Terbuka (Alumni UPM, Staf UPM dan Orang Awam)
- ii. Penyertaan boleh disertai sama ada secara **individu atau berkumpulan**. Penyertaan secara **berkumpulan** hendaklah **tidak melebihi lima (5) orang** bagi satu kumpulan.
- iii. Setiap peserta/kumpulan hanya dibenarkan menghantar **satu (1) penyertaan sahaja**.
- iv. Penyertaan adalah **percuma**.

### 3. KONSEP PENYERTAAN

#### TEMA: KETERJAMINAN MAKANAN

##### Konsep:

- i. Pertandingan ini mengetengahkan penceritaan kreatif berteraskan realiti semasa berkaitan keterjaminan makanan dengan menampilkan peranan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai sumber inspirasi, kepakaran dan penyelesaian terhadap isu bekalan makanan negara.
- ii. Video hendaklah kreatif, menarik dan mudah difahami.
- iii. Pendekatan penceritaan adalah terbuka, termasuk:
  - i. Naratif kisah pendek
  - ii. Monolog atau *voice-over* reflektif
  - iii. Dokumentari pendek atau pengalaman sebenar

### 4. KANDUNGAN VIDEO

- i. Video hendaklah dihasilkan oleh idea asal dan kreativiti peserta serta tidak melanggar hak cipta yang pernah diterbitkan oleh mana-mana pihak.
- ii. Video yang pernah menyertai atau memenangi mana-mana pertandingan tidak dibenarkan.
- iii. Kandungan mestilah mematuhi tema **keterjaminan makanan** serta menonjolkan peranan UPM, di samping mengandungi mesej nilai murni dan kesedaran kepada masyarakat
- iv. Kandungan hendaklah disampaikan secara beretika dan tidak mengandungi unsur sensitif (agama, kaum, politik), lucah, keganasan, atau apa-apa yang boleh menghina serta menyinggung mana-mana pihak
- v. Penggunaan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau dwibahasa adalah dibenarkan.
- vi. Sarikata (*subtitle*) adalah digalakkan.
- vii. Muzik dan suara latar yang digunakan hendaklah bebas royalti. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan akibat pelanggaran hak cipta

## 5. **FORMAT VIDEO**

- i. Spesifikasi video:
  - i. Spesifikasi video menggunakan **aspect ratio: 9:16** dengan resolusi minimum **1080p (Full HD)**.
- ii. Durasi:
  - i. Tempoh video **tidak melebihi 2 minit**.
- iii. Format:
  - i. Format video hendaklah dalam format **MPEG-4 Part 14 (MP4)** atau **QuickTime Movie (MOV)**.
- iv. Kualiti Audio:
  - i. Audio mestilah jelas dan tidak mengganggu.
  - ii. Penggunaan *voice-over* adalah digalakkan.
- v. Suntingan:
  - i. Video bebas menggunakan animasi, dron, *motion graphic* dan teknik suntingan lain.
  - ii. Suntingan mestilah tidak keterlaluan sehingga menjejaskan
- vi. Elemen wajib:
  - i. Video mesti mengandungi:
    - i. Bingkai (*Frame*) pertandingan sepanjang durasi video (boleh didapati di pautan linktree <https://linktr.ee/PutraAlumniVPro>)
    - ii. Tajuk video

## 6. **PENYERTAAN YANG DITOLAK**

- i. Video yang dijana sepenuhnya menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) tanpa penglibatan kreatif peserta.
- ii. Penggunaan kandungan pihak ketiga tanpa kebenaran.
- iii. Video yang tidak mematuhi tema atau syarat teknikal pertandingan.

## 7. **KRITERIA PENJURIAN**

- i. Penilaian akan dibuat berdasarkan:
  - i. Kreativiti & idea
  - ii. Tema & kekuatan mesej
  - iii. Kualiti visual & audio
  - iv. Impak & daya tarikan

## 8. HAK CIPTA

- i. Peserta bersetuju bahawa:
  - i. Pihak penganjur berhak menggunakan video bagi tujuan promosi melalui mana-mana saluran media; dan
  - ii. Pihak penganjur berhak membuat suntingan terhadap video tujuan promosi.

## 9. HADIAH

- i. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori	Pelajar UPM	Alumni UPM, Staf UPM & Orang Awam
Tempat Pertama	RM 3,000 tunai + Sijil Pemenang	RM 3,000 tunai + Sijil Pemenang
Tempat Kedua	RM 2,000 tunai + Sijil Pemenang	RM 2,000 tunai + Sijil Pemenang
Tempat Ketiga	RM 1,000 tunai + Sijil Pemenang	RM 1,000 tunai + Sijil Pemenang
Tempat Keempat Kesepuluh (Saguhati) –	RM 100 tunai + Sijil Pemenang	RM 100 tunai + Sijil Pemenang

Anugerah Khas Juri	RM 500 tunai + Sijil Pemenang
Anugerah Pilihan Penonton (Kiraan <i>like, share</i> dan <i>view</i> paling tinggi)	RM 500 tunai + Sijil Pemenang

## 10. KEPUTUSAN PEMENANG

- i. Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang pertikaian, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.

## 11. LAIN-LAIN

- i. Peserta dianggap bersetuju dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan.
- ii. Pihak penganjur **berhak menolak atau membatalkan** mana-mana penyertaan yang dianggap tidak mematuhi syarat.

- iii. Penganjur berhak meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menagguhkan pertandingan ini pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlakny. Apa-apa perubahan boleh dimaklumkan melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh penganjur, tidak terhad kepada pemberitahuan di platform media sosial Universiti Putra Malaysia dan Pusat Perhubungan Alumni UPM (ARCUPM)
- iv. Peserta hendaklah menanggung ganti rugi pihak penganjur sekiranya terdapat apa-apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap penganjur berhubung tuntutan hak cipta atau lain-lain perkara berkaitan dengan video penyertaan yang diterima oleh penganjur daripada peserta (sekiranya berkenaan).

### **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Sekretariat  
Pertandingan *Putra Alumni VPro Challenge*  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

☎ 03 9769 1058/1260  
✉ [alumni@upm.edu.my](mailto:alumni@upm.edu.my)

**PUTRA**  
**ALUMNI VPRO**  
**CHALLENGE**  
**TEMA: KETERJAMINAN MAKANAN**